



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2015=100)

MEI 2025
MAY 2025



Laman sesawang: deps.mofe.gov.bn
E-mel: info.statistics@jpes.gov.bn
Instagram: @statistics.jpes




جياتن فرانچن ايكونومي دان ستاتيسيكي


JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
BRUNEI DARUSSALAM

INDEKS HARGA PENGGUNA MEI 2025

MEI 25 | MEI 24 ▼ 0.5%



MEI 25 | APR 25 ▼ 0.1%



Penyumbang Utama Tahun-ke-Tahun

Makanan dan Minuman Ringan ▼ 0.8%

Daging



▼ 2.9%

Susu, Produk Tenusu dan Telur



▼ 2.4%

Ikan dan Makanan Laut



▼ 1.8%

Bukan Makanan ▼ 0.4%

Rekreasi dan Kebudayaan



▼ 1.6%

Pengangkutan




▼ 0.8%

Bakul IHP bernilai BND100.00 pada Jan 2015
kini bernilai **BND105.98** pada Mei 2025



Makanan
BND115.43
Bukan Makanan
BND103.79

Trend IHP 2019 - 2025



Nota

- IHP mengukur perubahan harga purata bakul barangan dan perkhidmatan yang **tetap** yang dibayar oleh isirumah pada tempoh yang tertentu.
- Perubahan bulan-ke-bulan bermaksud perbandingan harga dengan bulan sebelumnya.
- Perubahan tahun-ke-tahun bermaksud perbandingan harga dengan bulan yang sama pada tahun sebelumnya.



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS HARGA PENGGUNA
MEI 2025
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TAJUK UTAMA:

INDEKS HARGA PENGGUNA MENURUN 0.5 PERATUS BAGI BULAN MEI 2025

Perbandingan bulan Mei 2025 dan Mei 2024

1. Indeks Harga Pengguna (IHP) pada bulan Mei 2025 menunjukkan penurunan sebanyak 0.5 peratus berbanding bulan Mei 2024, didorong oleh penurunan sebanyak 0.8 peratus bagi indeks Makanan dan Minuman Ringan; dan sebanyak 0.4 peratus bagi indeks Bukan Makanan.
2. Penurunan bagi indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan harga Daging (2.9 peratus), khususnya harga ayam; dan harga Ikan dan Makanan Laut (1.8 peratus), terutamanya harga ikan dan udang segar.
3. Sementara itu, penurunan bagi indeks Bukan Makanan adalah didorong oleh penurunan harga kenderaan bermotor dan tiket penerbangan; dan kos perkhidmatan langganan penstriman media atas talian disebabkan oleh perbezaan pertukaran matawang asing.

Perbandingan bulan Mei 2025 dan April 2025

4. Bagi perbandingan bulan-ke-bulan, IHP Mei 2025 menurun sebanyak 0.1 peratus daripada April 2025. Ini adalah didorong oleh penurunan sebanyak 0.3 peratus bagi indeks Makanan dan Minuman Ringan; dan sebanyak 0.1 peratus bagi indeks Bukan Makanan.
5. Penurunan bagi indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan harga Sayur-Sayuran (2.8 peratus); dan Ikan dan Makanan Laut (1.3 peratus). Manakala, penurunan bagi indeks Bukan Makanan adalah terutamanya didorong oleh Pengangkutan (0.8 peratus); dan Rekreasi dan Kebudayaan (0.5 peratus).
6. IHP mengukur perubahan harga bakul barangan dan perkhidmatan tetap yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan secara bulanan. Senarai barangan dan perkhidmatan serta kewajaran dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata isirumah yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga 2015/2016. Laporan penuh IHP bagi bulan Mei 2025 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>


Penerangan tentang Indeks Harga Pengguna (IHP)

Bagaimanakah IHP diukur dan kenapakah sebahagian dari harga makanan terus meningkat, walaupun kadar inflasi menunjukkan penurunan dalam jangka masa pendek?

1. Apakah itu IHP dan bagaimanakah ianya diukur?

IHP mengukur kadar perubahan harga bagi satu bakul barangan dan perkhidmatan yang lazimnya dibayar oleh isirumah dengan membandingkan harga bagi tempoh masa yang sama pada tahun sebelumnya. IHP dikumpulkan secara bulanan dan berfungsi sebagai penunjuk trend inflasi bagi jangka masa pendek.

Namun demikian, IHP direka untuk mencatatkan perubahan secara tahunan dan tidak sepenuhnya menggambarkan pergerakan perubahan harga secara kumulatif dalam jangka masa panjang. Bagi memberikan gambaran yang menyeluruh, analisis siri masa (*time series*) boleh digunakan untuk memahami trend harga dalam tempoh beberapa tahun.



2. Trend harga makanan sejak Pra-COVID

Meskipun kadar pertumbuhan IHP bagi indeks Makanan pada bulan Mei 2025 menunjukkan penurunan tahun-ke-tahun, analisis siri masa menunjukkan beberapa harga barangan makanan asasi telah menunjukkan peningkatan berbanding pra-COVID pada tahun 2019, seperti berikut:

No.	Barangan-Barangan	Jan 2019 Pra-COVID (BND)	Mei 2025 (BND)
1	Daging Beku per Kg	8.90	17.11
2	Cili per kg	7.98	12.60
3	Halia per kg	2.91	4.49
4	Daging Segar per Kg	13.19	20.11
5	Ayam Sayap Segar per Kg	7.30	9.18

Trend ini adalah konsisten dengan peningkatan harga global pasca-COVID, walaupun IHP negara secara keseluruhan masih mencatatkan kadar harga yang sederhana, disebabkan oleh pelaksanaan langkah-langkah kawalan harga dan pemberian subsidi oleh Kerajaan.

3. **Mengapakah kadar IHP masih di tahap yang negatif?**

Beberapa faktor utama menerangkan penurunan dalam indeks Makanan, walaupun terdapatnya kenaikan harga bagi beberapa barangan:

- Harga ayam, telur, dan ikan terus menunjukkan penurunan sejak bulan September 2024, yang memberi kesan penurunan kepada keseluruhan indeks.
- IHP diukur berdasarkan satu bakul tetap barangan dan perkhidmatan yang terpilih berpandukan kepada hasil Kajian Perbelanjaan Keluarga 2015/2016. Setiap barangan diberikan kewajaran (*weightage*) berdasarkan purata perbelanjaan isirumah semasa kajian tersebut.
- Barangan bukan makanan telah menyumbang sebanyak 81 peratus daripada keseluruhan bakul IHP, berbanding hanya 19 peratus bagi barangan makanan. Oleh itu, perubahan harga dalam kategori bukan makanan seperti pengangkutan atau perhubungan telah memberikan kesan yang lebih besar ke atas IHP secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, corak perbelanjaan akan berubah berdasarkan pengemaskinian hasil data Kajian Perbelanjaan Keluarga dengan mencerminkan corak perbelanjaan isirumah yang terkini.

4. **Nilai bakul IHP hari ini**

Nilai keseluruhan bakul IHP yang bernilai BND100.00 pada bulan Januari 2015 telah meningkat kepada BND105.98 pada bulan Mei 2025, dengan pecahan berikut:

- Bakul makanan: BND115.43
- Bakul bukan makanan: BND103.79

Ini menunjukkan harga barangan makanan telah meningkat dalam jangka masa panjang pada kadar yang lebih tinggi berbanding barangan bukan makanan.

Untuk maklumat lanjut dan infografik, orang ramai bolehlah merujuk Laporan IHP Mei 2025 melalui laman sesawang dan saluran media sosial rasmi JPES.




Website: deps.mofe.gov.bn
Email: info.statistics@jpes.gov.bn
Instagram: [@statistics.jpes](https://www.instagram.com/statistics.jpes)




جباتن فرانچغن ايكونومي دان ستاتيستيك
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM

CONSUMER PRICE INDEX MAY 2025

MAY 25 | MAY 24 ▼ 0.5%



MAY 25 | APR 25 ▼ 0.1%



Main Contributors Year-on-Year

Food and Non-Alcoholic
Beverages

▼ 0.8%

Meat



▼ 2.9%

Milk, Dairy
Products and
Eggs



▼ 2.4%

Fish and
Seafood



▼ 1.8%

Non-Food

▼ 0.4%

Recreation and Culture



▼ 1.6%

Transport




▼ 0.8%

The CPI basket worth BND100.00 in Jan 2015
is now worth **BND105.98** in May 2025



Food **BND115.43**
Non-Food **BND103.79**

CPI Trend 2019 - 2025



Notes

- CPI measures the average change of prices of a **fixed** basket of goods and services paid by households in a certain period of time.
- Month-on-month means to compare prices with the previous month.
- Year-on-year means to compare prices with the same month in the previous year.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

CONSUMER PRICE INDEX
MAY 2025
BRUNEI DARUSSALAM

MAIN HEADLINE:

CONSUMER PRICE INDEX DECREASED BY 0.5 PER CENT IN MAY 2025

Comparison of May 2025 with May 2024

1. *The Consumer Price Index (CPI) in May 2025 recorded a decrease of 0.5 per cent compared to May 2024, driven by declines of 0.8 per cent in the Food and Non-Alcoholic Beverages index; and 0.4 per cent in the Non-Food index.*
2. *The decrease in the Food and Non-Alcoholic Beverages index was mainly contributed by lower meat prices (2.9 per cent), particularly the price of chicken; and Fish and Seafood (1.8 per cent), mainly the prices of fresh fish and prawns.*
3. *As for the Non-Food index, the decrease was driven by a decline in prices of motor cars and air fares. Additionally, the cost of online media streaming subscription services also recorded a decrease due to exchange rate differences.*

Comparison of May 2025 with April 2025

4. *On a month-on-month basis, the CPI in May 2025 decreased by 0.1 per cent compared to April 2025. This was driven by decreases of 0.3 per cent in the Food and Non-Alcoholic Beverages index; and 0.1 per cent in the Non-Food index.*
5. *The decrease in the Food and Non-Alcoholic Beverages index was mainly contributed by lower prices of Vegetables (2.8 per cent); and Fish and Seafood (1.3 per cent). Meanwhile, the decrease in the Non-Food index was primarily driven by a decline in prices of Transport (0.8 per cent); and Recreation and Culture (0.5 per cent).*
6. *The CPI is a measure of price changes of a fixed basket of goods and services purchased by consumers in a specified period and compiled on a monthly basis. The list and weightage of goods and services in the CPI are based on the average household expenditure obtained from the Household Expenditure Survey 2015/2016 data. The CPI full report for May 2025 is available from the DEPS website at <https://deps.mofe.gov.bn>.*


Consumer Price Index (CPI) Explained

How the CPI works and why some food prices continue to rise over time, even when inflation indicators show a short-term decline.

1. What is Consumer Price Index (CPI) and how does it work?

The Consumer Price Index (CPI) measures the rate of price change for a fixed basket of goods and services commonly purchased by households, comparing prices to the same period in the previous year. It is compiled monthly and serves as an indicator of short-term inflation trends.

However, the CPI is designed to show annual changes and may not capture cumulative price movements over a longer period. To provide additional context, a time series analysis can be useful in understanding broader price trends across multiple years.



2. Food prices trend since pre-COVID

Although the Food Index recorded a year-on-year decline in May 2025, a time series comparison shows that prices of several essential food items have increased substantially compared to January 2019 (pre-COVID), as shown below:

No.	Items	Jan 2019 Pre-COVID (BND)	May 2025 (BND)
1	Frozen Beef per Kg	8.90	17.11
2	Chillies per Kg	7.98	12.60
3	Ginger per Kg	2.91	4.49
4	Fresh Beef per Kg	13.19	20.11
5	Fresh Chicken Wings per Kg	7.30	9.18

This trend is consistent with global post-COVID price increases, although Brunei's overall CPI increase remains more modest due to government price control measures and subsidies.

3. **Why is CPI still negative?**

Several key reasons explain the decline in the Food Index despite rising prices for some items:

- *Ongoing price drops in chicken, eggs, and fish since September 2024, which weigh down the overall index.*
- *The CPI is calculated using a fixed basket of goods and services based on the 2015/2016 Household Expenditure Survey. Each item has a weight based on average household spending at that time.*
- *Non-food items account for 81 per cent of the total CPI basket, compared to only 19 per cent for food. Therefore, price changes in non-food categories such as transport or communication have a greater impact on the overall CPI.*
- *This pattern may change with the latest Household Expenditure Survey, which will capture updated household spending patterns.*

4. **Value of the CPI basket today**

The value of the overall CPI basket, which was BND100.00 in January 2015, has risen to BND105.98 in May 2025, comprising:

- *Food basket: BND115.43*
- *Non-food basket: BND103.79*

This reflects a higher long-term increase in food prices compared to non-food items.

For more information and infographics, the public is encouraged to view the full May 2025 CPI Report via the official JPES website and social media channels.